

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Baca Lembaran Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise. Baca Terma dan Syarat yang Mengawal Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise)</p>	<p><b>Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H)</b></p> <p>Nama Produk Ditawarkan:  <b>Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise</b></p> <p>Tarikh: 1 September 2020</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise adalah penyelesaian Perkhidmatan Pengurusan Tunai Bersepadu yang ditawarkan oleh Bank bagi memudahkan proses pemungutan dan belum terima untuk <i>Pelanggan</i><sup>#</sup>.</li> <li>Akaun Maya adalah akaun bank bukan fizikal yang sah yang boleh ditentukan oleh Pelanggan kepada Pemegang Serah Hak<sup>##</sup> yang merupakan pelanggan kepada Pelanggan itu sendiri misalnya penyumbang, pembeli atau penyewa utama.</li> <li>Akaun Maya ialah akaun yang mempunyai sepuluh (10) digit bermula dengan digit sifar "0" yang dikeluarkan oleh Bank bagi Pelanggan untuk diberi kepada pelanggannya sendiri.</li> </ul> <p><sup>#</sup> "Pelanggan" hendaklah bermaksud entiti korporat; iaitu keempunyaan tunggal, syarikat, persatuan, pertubuhan atau perkongsian.</p> <p><sup>##</sup> "Pemegang Serah Hak" hendaklah bermaksud pelanggan kepada Pelanggan itu sendiri iaitu seseorang atau entiti yang Pelanggan telah memberikan nombor Akaun Maya.</p>	
<p><b>2. Apakah yang diperoleh oleh Pelanggan daripada produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mudah untuk memohon dan tidak memerlukan pembukaan akaun baharu.</li> <li>Memudahkan proses pemungutan belum terima.</li> <li>Menambah baik waktu pusing balik perniagaan untuk penyesuaian akaun, aliran tunai dan modal kerja.</li> <li>Meningkatkan perakaunan perniagaan dengan proses yang lebih baik untuk penyatuan dan pengesanan pembayaran daripada Pemegang Serah Hak yang sama.</li> <li>Mengurangkan proses pentadbiran dan manual melibatkan cek dan pungutan tunai.</li> <li>Kebolehubahan untuk mentakrif dan mengurus profil Akaun Maya melalui PB enterprise.</li> <li>Urus niaga Akaun Maya boleh diperoleh dalam masa nyata daripada PB enterprise.</li> <li>Laporan urus niaga Akaun Maya setiap bulan boleh dikeluarkan melalui PB enterprise.</li> </ul>	
<p><b>3. Apakah terma dan syarat utamanya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk layak untuk menggunakan Perkhidmatan Akaun Maya, seorang Pelanggan mula-mula sekali hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>Mendaftar untuk Akaun Semasa Korporat; <u>dan</u></li> <li>Memohon untuk perkhidmatan Pakej Premium PB enterprise.</li> </ul> </li> <li>Setiap Akaun Maya akan dirangkaikan kepada satu (1) Akaun Semasa Korporat yang ditentukan bagi tujuan masukan perakaunan.</li> <li>Terma dan Syarat yang mengawal Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise boleh diakses melalui laman web PBe.</li> </ul>	



**4. Apakah kaedah pembayaran dalam Akaun Maya?**

- Tunai
- Cek
- Pindahan Dana Intra Bank
- Pindahan Dana GIRO Antara Bank (IBG)
- Pindahan Segera Antara Bank (IBFT)

**5. Apakah saluran yang ada untuk membuat deposit dalam Akaun Maya?**

- Di kaunter (OTC)
- Terminal Layan Diri (SST) iaitu Mesin Teler Automatic (ATM), Mesin Pungutan Tunai (CCM), Mesin Kitar Semula Tunai (CRM) dan Mesin Deposit Cek (CDM)
- Perbankan dalam Talian / Perbankan Mudah alih

**6. Apakah proses untuk deposit dalam Akaun Maya?**

- Pemegang Serah Hak perlu meletakkan deposit dalam Akaun Maya melalui saluran-saluran seperti yang disenaraikan dalam Perkara 5.
- Dana apabila didepositkan dalam Akaun Maya akan dilalukan dengan serta-merta dalam Akaun Induk mengikut sumber pendebitan kaedah pindahan.
- Urus niaga Akaun Maya yang berjaya boleh dilihat dengan serta-merta dalam Akaun Induk melalui PB enterprise.

Nota: Tiada pengeluaran dibenarkan daripada Akaun Maya.